



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 17 APRIL 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TUKUN TIRUAN TINGKATKAN KEPADATAN IKAN, SG4, HAKAKAH-14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	'ADIK HARUM MANIS' ASAL DARI SIAM, NEGARA, KOSMO-15	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	AGROBANK TAJA BIASISWA 10 PELAJAR CEMERLANG, BISNES, HM-27	BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)
4.	AGROBANK SCHOLARSHIPS PUT DREAMS WITHIN REACH, NATION, STAR-6	
5.	AGROBANK ANUGERAH BIASISWA KEPADA 10 PELAJAR CEMERLANG, NIAGA, KOSMO-38	
6.	31 PERJANJIAN PERSEFAHAMAN, KERJASAMA DIMETERAI, NASIONAL, BH-3	LAIN-LAIN
7.	PENGUSAHA BERKEMAMPUAN DISYORKAN TANAM DURIAN, NEGERI, SH-25	
8.	NELAYAN BERSYUKUR KUALA KIJAL KEMBALI DI BAWAH KERAJAAN NEGERI, SG4, HAKAKAH-14	
9.	PENGURUS HARUMANIS PERLIS TIDAK GENTAR, NEGARA, KOSMO-15	
10.	TERIMA 2,500 LEMBU TENUSU BETINA DARI CHILE, BISNES, HM-27	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Tukun tiruan tingkatkan kepadatan ikan

KUALA TERENGGANU: Pelaksanaan strategi pelabuhan tukun tiruan secara sistematik dan berterusan oleh kerajaan negeri Terengganu membuahkan hasil apa-


bila perairan negeri ini kini mencatat purata kepadatan ikan tertinggi di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Kajian bersama oleh institusi pengajian ting-

gi tempatan dan Jabatan Perikanan Malaysia menunjukkan kepadatan ikan di kawasan tukun tiruan Terengganu mengatasi negeri-negeri jiran seperti Kelantan, Pahang dan Johor Timur dengan kelebihan sekitar 75 peratus.

Pengerusi Jawatan kuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, pencapaian itu membuktikan keberkesanan pendekatan jangka panjang kerajaan negeri dalam pengurusan sumber marin.

"Kejayaan ini membuktikan keberkesanan strategi pelabuhan tukun yang dirancang secara sistematik dan berterusan. Ia juga mencerminkan impak



Sehingga kini lebih 1,600 unit tukun tiruan telah dilabuhkan di perairan Terengganu.

positif kepada ekosistem laut serta sumber perikanan negeri ini," katanya dalam satu hantaran di laman Facebook rasmi beliau.

Menurut beliau, sehingga kini lebih 1,600 unit tukun tiruan telah dilabuhkan di perairan negeri melibatkan ka-

wasan sepanjang pantai Terengganu, dan usaha itu akan diteruskan dengan penambahan 100 unit lagi pada tahun 2025.

Kata beliau, penambahan itu adalah sebahagian daripada pelan membangunkan 'Garis Tukun' sepanjang 245 ki-

lometer dari Kemaman hingga ke Besut, dengan sasaran satu kelompok tukun bagi setiap satu kilometer garis pantai.

"Tukun tiruan ada dua kategori iaitu tukun rekreasi dan tukun konservasi. Tukun rekreasi bermaksud tukun yang dilabuhkan di luar kawasan Taman Laut dan terbuka untuk nelayan dan pemancing rekreasi. Tukun konservasi dilabuhkan di kawasan Taman Laut bagi tujuan pembiakan hidupan laut dan tiada aktiviti penangkapan yang dibenarkan.

"Rasionalnya, kita perlu ada suatu kawasan yang digazetkan sebagai zon pembiakan ikan tanpa gangguan bagi terus memperkayakan sumber perikanan," katanya.

NOTIS JUALAN SECARA LELONG AWAM

Akta Pemegang Pajak-Gadai (81) 1972

Berdasarkan undang-undang yang ditetapkan oleh Pemegang Pajak-Gadai dalam perkara yang terdapat dalam notis ini, perkara yang terdapat dalam notis ini adalah sebagai berikut:

Tempat: Pejabat Pengerusi Jawatan Kuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri, Terengganu
Pada: Hari: 20 Mei 2024 Waktu: 10.00 pagi

NEGERI MELAKA

1. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
2. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
3. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
4. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
5. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
6. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
7. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
8. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
9. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
10. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
11. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
12. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
13. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
14. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
15. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
16. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
17. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
18. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
19. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024
20. KAH HONG PANGSANG Sdn Bhd - 20/05/2024 - 20/05/2024

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

Notis ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai satu dokumen yang sah untuk tujuan lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2025	HARIAN METRO	BISNES	27

Kuala Lumpur: Agrobank menaja Biasiswa Madani Agrobank bernilai RM416,500 kepada 10 pelajar cemerlang yang sedang melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara.

Penerima Biasiswa Madani Agrobank ini terdiri daripada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di universiti tempatan termasuk Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, akses kepada pendidikan berkualiti memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Katanya, pendidikan melahirkan tenaga kerja berpengetahuan, inovatif dan mahir dalam pelbagai bi-

Agrobank taja biasiswa 10 pelajar cemerlang



MOHAMAD (tengah) bersama sebahagian penerima Biasiswa Madani Agrobank.

dang, sekali gus mampu menyumbang kepada kemajuan mampan.

"Ia bukan sahaja memperkasa individu dari segi teori, tetapi juga kemahiran praktikal yang relevan dengan keperluan semasa.

"Masalah kewangan tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada gene-

rasi muda untuk melanjutkan pelajaran.

"Justeru, biasiswa ini memastikan mereka dapat merealisasikan aspirasi kerjaya tanpa mengira latar belakang sosioekonomi," katanya pada Majlis Penyampaian Anugerah Biasiswa Madani Agrobank dan Majlis Sambutan Hari

Raya Aidilfitri Agrobank di sini, kelmarin.

Anugerah disampaikan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Tengku Ahmad Badli berkata, inisiatif ini bukan sahaja mencerminkan komitmen Agrobank terhadap tanggungjawab sosial ko-

rporat, malah pelaburan strategik dalam melahirkan bakat muda berpotensi menyertai Young Talent Program (YTP) Agrobank bagi mencungkil bakat kepimpinan mereka.

"Penerima Biasiswa Madani Agrobank yang hadir pada hari ini adalah dalam kalangan anak petani dan

kategori B40 yang lain.

"Usaha ini sejajar dengan misi Agrobank untuk memperkasa keperluan komuniti *unserved* dan *underserved*," katanya.

Katanya, Agrobank terus komited melangkaui peranan sebagai penyedia perkhidmatan kewangan dengan menyumbang semula kepada masyarakat melalui pelbagai inisiatif yang menyokong individu daripada pelbagai latar belakang.

"Melalui pemerkasaan pendidikan, Agrobank memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi masa depan yang bersedia mendepani cabaran serta mencungkil bakat untuk pembangunan pelbagai sektor terutama dalam bidang pertanian dan agromakanan," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata, sepanjang tahun lalu Agrobank menyalurkan pembiayaan lebih RM10.44 bilion, sekali gus membuktikan komitmen dan keupayaan institusi ini dalam menyokong rantaian bekalan makanan negara.

Agrobank scholarships put dreams within reach

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Aspiring to become a data analyst, Ain Ameerah Mansor is all smiles after receiving a prestigious scholarship from Agrobank.

"This means I am one step closer to realising my dream."

"I applied for five other scholarships but didn't get any and I was close to giving up."

"Then I tried for the Agrobank Madani Scholarship Programme and I finally got it," said the 21-year-old Universiti Teknologi Malaysia Industrial Mathematics graduate.

Ain Ameerah shared that the scholarship, covering both her course fees and living expenses, will significantly ease her family's financial burden.

She was among 10 graduates awarded the scholarship during a presentation ceremony held in conjunction with Agrobank's Hari Raya open house here on Tuesday.

Agrobank president and chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badi Shah Raja Hussin said the scholarship programme targets students from B40 families working in farming, livestock or fishing sectors.

"Each (scholarship) recipient



Transforming lives: Tengku Ahmad Badi (sixth from left), Mohamad (seventh from left) and Yunus (eighth from left) after presenting scholarships to the 10 recipients. — YAP CHEE HONG/The Star

receives about RM40,000.

Since 2021, Agrobank has invested RM2.5mil into the programme, which is one of our corporate social responsibility efforts.

"Most of the students were absorbed into Agrobank after their graduation and went

through management training in various banking aspects.

"There are 38 individuals under this scheme and some of them even managed to reach management level," he added.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, who officiated the event,

praised Agrobank's role as both a financial institution and a growth catalyst for agropreneurs nationwide.

"In 2024, Agrobank disbursed over RM10.44bil in financing,

highlighting its strong commitment to supporting Malaysia's food supply chain," he said.

He also said the RM416,500 sponsorship for the 10 scholarship recipients was a strategic investment in rural human capital and the future of the nation's agricultural sector.

Also present at the ceremony was Agrobank chairman Datuk Yunus Abd Ghani.

TARIKH
17/4/2025

MEDIA
STAR

RUANGAN
NATION

MUKA
SURAT
6

Agrobank anugerah biasiswa kepada 10 pelajar cemerlang

PETALING JAYA - Agrobank menganugerahkan Biasiswa Madani Agrobank bernilai RM416,500 kepada 10 pelajar cemerlang yang sedang melanjutkan pelajaran di institut pendidikan tinggi awam.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, penerima biasiswa itu terdiri daripada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di universiti tempatan termasuk Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Teknologi Malaysia.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (tengah) bersama penerima biasiswa Agrobank pada Majlis Sambutan Aidilfitri Agrobank di Kuala Lumpur, Kelmarin.

Menurut beliau, sejak tahun 2013, Agrobank telah memberi bantuan kewangan kepada 54 pelajar terpilih yang memenuhi

syarat kelayakan dan mempunyai rekod akademik yang cemerlang.

"Biasiswa ini memastikan

mereka dapat merealisasikan aspirasi kerjaya tanpa mengira latar belakang sosioekonomi.

"Inisiatif ini bukan sahaja

mencerminkan komitmen Agrobank terhadap tanggungjawab sosial korporat, malah merupakan pelaburan strategik dalam melahirkan bakat muda yang berpotensi untuk menyertai Young Talent Program (YTP) Agrobank bagi mencungkil bakat kepimpinan mereka," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan kelmarin.

Tambah beliau, melalui pelaburan dalam bidang pendidikan, Agrobank memperlihatkan komitmen yang kurang nyokong komuniti yang kurang diberi perhatian, seterusnya memastikan peluang untuk kemajuan tidak lagi terbatas oleh faktor geografi mahupun kewangan.

Nelayan bersyukur Kuala Kijal kembali di bawah kerajaan negeri



Razali (tengah) menjalankan usaha membela nasib nelayan di Terengganu.



Pemilikan semula kawasan Kuala Kijal oleh Kerajaan Terengganu membuka peluang baharu kepada komuniti nelayan tempatan.

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KEMAMAN: Kegembiraan jelas terpancar pada wajah penduduk dan nelayan sekitar Kijal apabila kawasan Kuala Kijal yang sekian lama di bawah pemilikan swasta kini sah kembali ke tangan kerajaan negeri.

Pemilikan semula itu sekali gus membuka peluang baharu kepada komuniti nelayan tempatan yang sekian lama terhimpit dengan pelbagai kekangan.

Zulkapli Johar, 63, berkata beliau amat terharu dengan pengumuman itu kerana ia memberi sinar harapan kepada kehidupan nelayan yang sebelum ini terbatasi akibat ketiadaan akses kepada kawasan tersebut.

"Majlis hari ini bukan sekadar tanda syukur, tapi simbol harapan baharu kepada kami.

"Setelah 30 tahun menunggu, akhirnya ada laluan yang akan dibuka khas untuk bot-bot nelayan keluar masuk ke laut.

"Insya-Allah, akan lebih banyak bot berlabuh di Kuala Kijal nanti," katanya ketika ditemui selepas Majlis kesyukuran pengambilalihan Kuala Kijal di Wakaf Kuning, Pantai Penunjuk Kijal, semalam.

Bagi Zulkifli Khadir, 58, kejayaan itu membuktikan keprihatinan kepimpinan negeri terhadap nasib rakyat kecil.

"Terima kasih (Datuk Razali) kerana berjaya ambil balik Kuala Kijal. Insya-Allah, para nelayan boleh masuk ikut 'be-

loh nung' (belah sana) pula lepas ni.

"Dulu kita tengok sahaja kawasan itu, sekarang milik kita balik," ujarnya.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kijal, Datuk Razali Idris berkata, dua faktor utama menjadi pemangkin kepada keputusan kerajaan untuk mengambil semula tanah tersebut.

"Pertama, pembinaan struktur pemecah ombak (*breakwater*) yang bukan sahaja memberikan perlindungan

kepada bot nelayan daripada ombak besar, tetapi juga menyediakan kawasan parkir bot yang lebih selamat.

"Kedua, keperluan untuk mengawal hakisan pantai yang semakin serius di Penunjuk dan Kampung Che Wan, dengan kehilangan tanah antara tujuh hingga sepuluh kaki setiap tahun.

"Dengan adanya pemecah ombak, hakisan dapat dikawal, sekali gus memelihara keindahan pantai di Kijal," katanya.

31 perjanjian persefahaman, kerjasama dimeterai

Putrajaya: Malaysia dan China semalam menandatangani 31 perjanjian persefahaman (MoU) dan kerjasama, merangkumi pelbagai bidang strategik berkepentingan bersama.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden China, Xi Jinping, di Kompleks Seri Perdana di sini, sempena lawatan Jinping ke Malaysia selama tiga hari bermula kelmarin.

Antara bidang kerjasama yang diberikan tumpuan, termasuk keselamatan, pembangunan, perdagangan, pengangkutan, pertanian, pendidikan serta

teknologi digital.

Di bawah bidang keselamatan, MoU yang ditandatangani membolehkan kerjasama di bawah inisiatif keselamatan global, inisiatif pembangunan global dan inisiatif peredaran global, yang ditandatangani Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan rakan sejawatnya dari China, Wang Yi.

Yang turut dimeterai adalah pertukaran nota mengenai penubuhan Dialog Bersama Luar dan Pertahanan antara kedua-dua negara.

Selain itu, perjanjian pengecualian visa bersama bagi pemegang pasport urusan rasmi

dan biasa, yang ditandatangani Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Wang Yi.

Sebanyak tiga MoU dimeterai dalam bidang perdagangan, membolehkan perdagangan perkhidmatan, penyeragaman kerjasama dan menambah baik 'Dua Negara, Dua Taman' Malaysia-China, yang ditandatangani Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Perdagangan China, Wang Wentao.

Kedua-dua negara juga menandatangani perjanjian memperkukuh kerjasama dalam

sektor rel, yang ditandatangani Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook dan Duta China ke Malaysia, Ouyang Yujing.

Dalam bidang digital, dua MoU antara Kementerian Digital serta Suruhanjaya Pembangunan dan Pembaharuan Negara (NDRC) China ditandatangani, membolehkan kerjasama dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan ekonomi digital, yang ditandatangani Menteri Digital, Gobind Singh Deo dan Pengerusi NDRC, Zheng Shanjie.

Turut dimeterai adalah MoU dalam bidang pendidikan, membolehkan penterjemahan dan

penerbitan karya klasik, yang ditandatangani Menteri Pendidikan, Fadhina Sidek dan Presiden dan Ketua Pengarang China Media Group (CMG), Shen Hai Xiong.

MoU lain membolehkan kerjasama di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Pendidikan Tinggi; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Selain itu, MoU turut membolehkan kerjasama antara agensi media dan universiti.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Pengusaha berkemampuan disyorkan tanam durian

KUALA TERENGGANU

- Pengusaha pertanian yang mempunyai modal disyorkan menceburi tanaman durian kerana berpotensi menjana pulangan lumayan selaras dengan permintaan tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman

Ibrahim berkata, tanaman itu mempunyai nilai pasaran tinggi terutama selepas Malaysia memeterai protokol baharu peng-eksportan durian sejuk beku ke China pada Mei 2019, diikuti buah segar pada tahun lalu.

"Kerajaan negeri memfokuskan dua strategi utama iaitu pembukaan kebun durian baharu serta pemulihan dusun sedia ada bagi memastikan bekalan mencukupi untuk pasaran.

"Potensi hasil tanaman ini mampu mencecah sehingga 14.7 metrik tan se-hektar," jelasnya.



Azman ketika menjawab soalan lisan yang dikemukakan pada sidang DUN Terengganu pada Rabu.

SIDANG DUN TERENGGANU

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan dikemukakan oleh **Mohd Yusop Majid (Bersatu Permaisuri)** mengenai jenis pertanian memberikan pendapatan tinggi yang perlu diberikan galakan dan infrastruktur pertanian berkesan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, pada Rabu.

Selain itu, katanya, statistik menunjukkan keluasan tanaman durian di Terengganu meningkat ketara daripada 1,695.5 hektar pada 2016 kepada 3,165.4 hektar tahun lalu.

Jelas beliau, selain durian, kerajaan negeri turut menggalakkan rakyat terlibat dalam tanaman kontan yang lebih mudah diusahakan serta berisiko rendah.

"Kerajaan lebih mencadangkan supaya rakyat memulakan langkah dengan tanaman kontan kerana modal permulaan tidak besar, penjagaan lebih praktikal dan hasilnya lebih cepat.

"Mereka boleh memohon bantuan modal melalui Skim Pinjaman Mikro Terengganu serta tapak tanah kerajaan melalui Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Negeri," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2025	KOSMO	NEGARA	15

Pengusaha harumanis Perlis tidak gentar

- Selepas petani Terengganu mula keluarkan Mangga King
- Yakini dengan ciri unik raja mangga

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

KANGAR – Pengusaha dan penjual raja mangga harumanis Perlis sama sekali tidak gentar, mahu pun terganggu dengan kehadiran Mangga King dari Terengganu.

Sebaliknya, mereka tidak sabar menantikan hasil tanaman pencabar baharu dari Pantai Timur itu dituai untuk diuji rasa serta dinilai dari pelbagai sudut.

Pengusaha dan pembekal harumanis Perlis, Kamarizal Ahmad, 52, berkata, tidak adil untuk menilai mangga tersebut tanpa merasainya terlebih dahulu.

"Saya mula mengusahakan tanaman harumanis kira-kira 15 tahun lalu dan antara ciri unik buah ini ialah bau yang harum berbanding mangga lain serta rasanya yang manis.

"Dua faktor itu dipengaruhi oleh keadaan cuaca dan jenis tanah. Di kawasan saya, di bawah lapisan tanah terdapat hamparan batu lada atau lebih dikenali sebagai batu kawi," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini kelmarin.

Katanya, faktor geografi serta perbezaan jenis tanah mempengaruhi kualiti rasa buah, malah di Perlis sendiri rasa harumanis



KAMARIZAL (kanan) dan Aidid menunjukkan mangga harumanis keluaran Perlis di Jalan Sungai Batu Pahat, Kangar kelmarin.

boleh berbeza antara bahagian utara dan selatan negeri.

Menurut Kamarizal, beliau optimis kualiti mangga yang dihasilkan di Perlis lebih baik kerana pengalaman yang luas serta pembangunan berterusan terhadap tanaman itu di negeri berkenaan.

"Apa yang boleh saya katakan, isi dan warna mangga di sini kebanyakannya jingga, bertekstur halus serta tidak berserat.

"Dari segi pasaran, saya sama sekali tidak terganggu dengan kehadiran Mangga King Terengganu dan kami sebenarnya tak sabar

untuk mencubanya," ujarnya.

Ujarnya, memang wajar pembeli mencuba dahulu Mangga King dan selepas itu terpulang kepada cita rasa masing-masing.

Seorang peniaga harumanis, Aidid Iskandar Mohd Zamri, 24, berkata, terdapat juga pembeli dari Terengganu yang mendapatkan bekalan mangga harumanis daripadanya.

"Mereka beritahu rasa mangga yang ditanam di Terengganu berbeza dengan harumanis Perlis, jadi mereka tetap memilih membeli hasil dari sini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2025	KOSMO	NEGARA	15

'Adik harum manis' asal dari Siam

KANGAR – Orang ramai dinasihatkan agar tidak terperdaya dengan jualan mangga menggunakan nama 'adik harum manis' yang dilakukan oleh individu tidak bertanggungjawab di media sosial.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Anzara Azizan berkata, penipuan yang menyasarkan penggemar harumanis itu berjaya dikesan pihaknya baru-baru ini.

"Seorang pegawai FAMA telah menjalankan risikan selepas melihat iklan jualan yang menawarkan harga serendah RM50 untuk dua kilogram (kg) harumanis, disertakan pula *free gift* tambahan 1kg.

"Namun setelah bayaran dibuat, pegawai tersebut langsung tidak menerima buah yang dipesan. Kami percaya ia perbuatan *scammer* yang mengambil kesempatan sempena musim tuaian harumanis," katanya pada

sidang akhbar di sini semalam.

Katanya, harga sedemikian jelas tidak munasabah memandangkan harga yang disyorkan bagi gred premium ialah RM37 sekilogram, gred satu (RM34) dan gred dua (RM27).

Anzara turut memaklumkan, terdapat peniaga tidak bertanggungjawab yang mengelirukan pembeli dengan menggunakan nama 'adik harum manis', sedangkan buah tersebut sebenarnya adalah mangga dari negara jiran yang dikenali sebagai nam man.

"Mangga jenis itu langsung tidak memiliki ciri fizikal harumanis dan penggunaan nama tersebut boleh menjejaskan reputasi raja mangga dengan ia dijual pada harga belasan ringgit untuk satu kilogram," jelasnya.

Beliau berkata, FAMA telah menjalankan pemeriksaan dan advokasi bermula awal Januari hingga 15 April lalu melibatkan 14 operasi serta pengeluaran 61 no-

tis pemeriksaan premis.

"FAMA turut memeriksa kira-kira 20 gerai jualan harumanis di sepanjang Lebuh Raya Kuala Perlis-Changlun sebagai langkah pencegahan agar pengguna tidak menjadi mangsa penipuan.

"Penting untuk pengguna mengenal pasti ciri fizikal harumanis yang sebenar bagi mengelakkan kerugian. Orang ramai juga dinasihatkan agar tidak mudah terpedaya dengan tawaran harga murah dijual secara dalam talian," ujarnya.

Bagi pembelian secara dalam talian yang selamat, orang ramai digalakkan menggunakan aplikasi *Agro Bazaar Online* atau menyamak dengan peniaga terlebih dahulu.

Dalam pada itu, Anzara turut mengingatkan para peniaga agar lebih bertanggungjawab dan tidak mengelirukan pembeli bagi menjaga imej serta prestij harumanis sebagai ikon pertanian negeri Perlis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2025	HARIAN METRO	BISNES	27



PERJALANAN yang dirancang dengan teliti membawa 2,500 lembu tenusu Holstein dari Santiago, Chile ke Pasir Gudang, Johor.

Terima 2,500 lembu tenusu betina dari Chile

Kuala Lumpur: Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB) mencatatkan satu pencapaian penting apabila menerima kumpulan pertama 2,500 lembu tenusu betina dari Chile ke ladang tenusu integrasinya di Gemas, Negeri Sembilan.

Ketua Pegawai Eksekutif F&NHB, Lim Yew Hoe berkata, ketibaan kumpulan pertama lembu tenusu betina itu menandakan pengimportan ternakan pembiak baka tunggal terbesar negara, sekali gus membuka jalan untuk masa depan industri tenusu di Malaysia.

"Ini juga menandakan import lembu pertama

Malaysia dari Chile.

"Lembu Holstein dari Chile ini diuji secara genomik sepenuhnya dan mempunyai Indeks Prestasi Keseluruhan Genomik (GTPI) setanding piawaian prestasi lembu betina yang pada asalnya kami rancang untuk diimport dari Amerika Syarikat," katanya dalam kenyataan.

Lembu itu dibawa dari Santiago, Chile, menggunakan kapal pengangkut ternakan. Ternakan berkenaan menjalani perjalanan yang dirancang dengan teliti dan tiba di Pelabuhan Pasir Gudang, sebelum dipindahkan ke ladang dalam tempoh tiga hari.